



13 DEC 2024 – 21 DEC 2024 (9H7M)

# KEMBARA KE BUMI UZBEKISTAN

BERSAMA USTAZ HAJI  
AZIAN MAN



MAQAM IMAM TIRMIDHI



IMAM BUKHARI COMPLEX



MADRASAH OF ULUGBEK



REGISTAN SQUARE

**PAKEJ: 9 HARI / 8 MALAM**

TARIKH PENERBANGAN	DESTINATION	FLIGHT	MASA BERLEPAS (ETD)	MASA TIBA (ETA)
13 DEC 2024	KUL / TAS	BATIK AIR	1710	2135 (7hrs25m)
14 DEC 2024	TAS / TER	SILKWAY WEST AIRLINE	1430	1550 (1hrs10m)
20 DEC 2024 (+1)	TAS / KUL	BATIK AIR	2330	1100 (7hrs30m)

**HARI 1: KUALA LUMPUR@KLIA – TASHKENT (13/12/2024 - JUMAAT)**

- Berkumpul di KLIA -1 @ 4 jam sebelum penerbangan berlepas pada 1710pm.
- Berlepas ke **UZBEKISTAN** ke ibu negara TASHKENT dengan menaiki penerbangan BATIK AIR.
- Setibanya di Lapangan Terbang International Tashkent ,disambut oleh pemandu pelancong & daftar masuk hotel.
- Makan malam & rehat. Bermalam di TASHKENT

## HARI 2: TASHKENT – TERMEZ (14/12/2024 - SABTU)

- Pack box (Sarapan Pagi)- Check Out Hotel.
- Menuju ke Lapangan Terbang untuk penerbangan ke Termez.
- Tiba di Lapangan Terbang International Termez.
- Ziarah: **Hakim Temiziy Mausoleum & Sulton Saodat Mausoleum**. (Aktiviti program akan dimaklumkan)
- Makan Malam & Rehat. Bermalam di TERMEZ

## HARI 3: TERMEZ – SHAHRISABZ (15/12/2024 - AHAD)

- Solat suboh berjemaah dan tazkirah suboh bersama Ustaz Azian Man
- Sarapan pagi & Check Out Hotel untuk terus menuju ke Shahrizabz dengan menaiki bas.
- Ziarah: **Abu Iso at Termizi Complex** (Aktiviti program akan dimaklumkan)
- Makan tengah hari di restoran tempatan
- Tiba di Shahrizabz ziarah Ak Saray Palace daftar masuk hotel
- Makan malam & daftar masuk hotel . Bermalam di SHAHRISABZ

## HARI 4: SHAHRISABZ - SAMARKAND (16/12/2024 - ISNIN)

- Solat suboh berjemaah dan tazkirah suboh bersama Ustaz Azian Man
- Sarapan pagi di Hotel.
- Perjalanan seterusnya ke Samarkand dengan menaiki bas
- Tiba di Samarkand Makan tengahari
- Ziarah: **Registan Square**
- Makan malam & daftar masuk hotel. Bermalam di SAMARKAND



## HARI 5: SAMARKAND (17/12/2024 - SELASA)

- Solat suboh berjemaah dan tazkirah suboh bersama Ustaz Azian Man
- Sarapan pagi .
- Ziarah: Ziarah: **Amir Temur Mausoleum, Shakhi Zinda Necropolis, Ulugbek Observatory & Abu Mansur Al-Matirudy Mausoleum**
- Makan tengah hari di restoran tempatan
- Membeli-belah di Siab Bazaar
- Makan malam & rehat. Bermalam di SAMARKAND

#### HARI 6: SAMARKAND – BUKHARA (18/12/2024 - RABU)

- Solat suboh berjemaah
- Sarapan pagi di Hotel dan Check Out Hotel
- Perjalanan seterusnya menuju ke Bukhara dengan menaiki bas
- Tiba di Bukhara Makan tengah hari di restoran tempatan
- Ziarah : **Abdul Khaliq Al-Gijduvani Complex, Khuja Bakhouddin Naqshbandi Complex & Imam Al- Bukhari Complex** (Aktiviti program akan dimaklumkan)
- Makan malam & daftar masuk hotel. Bermalam di BUKHARA

#### HARI 7: BUKHARA -TASHKENT (19/12/2024 - KHAMIS)

- Solat suboh berjemaah dan tazkirah suboh bersama Ustaz Azian Man
- Ziarah: **Ark Fortress, Ulugbek Madrassah, Kalon Ensemble**
- Ziarah: **Mir Arab Madrassah, Bolo Khaus**
- Membeli-belah di kawasan kubah perdagangan (**Trading Domes**)
- Selesai makan tengahari, terus menuju ke stesen keretapi. Menuju ke Tashkent dengan speed train Afrosiyob – [1544 – 1953 (2hrs10m)].
- Tiba di Tashkent dan daftar masuk hotel.
- Makan malam & rehat. Bermalam di TASHKENT

#### HARI 8: TASHKENT (20/12/2024 - JUMAAT)

- Solat suboh berjemaah dan tazkirah suboh bersama Ustaz Azian Man
- Sarapan pagi di Hotel.
- Check Out Hotel
- Membeli-belah di **Chorsu Market**
- Makan tengah hari di restoran tempatan
- Ziarah: **Khasti Imam Complex, Baraqkhan Madrasah, Quran Museum**
- Makan malam
- Bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Tashkent 5 JAM sebelum berlepas ke Kuala Lumpur. (2330 PM)

#### HARI 9: KUALA LUMPUR (21/12/2024 - SABTU)

- Tiba di Kuala Lumpur.

## HARGA PAKEJ

HARGA PAKEJ FULL BOARD	HOTEL – HOTEL(atau setaraf)
RM 8,280.00	TOWER HOTEL – TASHKENT – 2 MALAM TURON PLAZA HOTEL – BUKHARA – 1 MALAM BRAVO HOTEL – SAMARKAND – 2 MALAM TERMEZ PALACE – TERMEZ – 1 MALAM KESH PALACE HOTEL – SHAHRISABZ – 1 MALAM



**Maybank**

DEPOSIT BAYARAN RM500

MN AJWA TRAVEL 562759692435

\*Dikehendaki membuat bayaran selepas pengesahan \*Sila kemukan resit pembayaran kepada kami

## PAKEJ TERMASUK & PAKEJ TIDAK TERMASUK

PAKEJ TERMASUK	PAKEJ TIDAK TERMASUK
<ul style="list-style-type: none"><li>Bimbingan bersama ALFADHIL USTAZ HJ AZIAN MAN</li><li>Tiket penerbangan pergi &amp; balik kelas ekonomi dari Kuala Lumpur ke Tashkent (meals on board)</li><li>Bagasi 30kg pergi balik</li><li>Pengangkutan Sepanjang Trip:<ul style="list-style-type: none"><li>Penerbangan Domestik (Tashkent – Termez)</li><li>Speed Train Afrosiyob</li><li>Bas AC Coach</li></ul></li><li>Penginapan Hotel 3* &amp; 4*</li><li>Makan &amp; Minum Fullboard (Restoran Halal)</li><li>Pemandu pelancong/Pemandu- bahasa English/Malaysia</li><li>Tiket Lawatan seperti yang dinyatakan di dalam itinerari</li><li>Kit Pelancongan kembara/Cabin Bag</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Tips untuk pemandu pelancong &amp; pemandu bas (USD 55/pax)</li><li>Lawatan Tambahan</li><li>Insurans perjalanan</li><li>Perbelanjaan peribadi</li><li>Bayaran tambahan semasa musim cuti / perayaan.</li><li>Perkhidmatan tambahan di hotel seperti dobi, servis bilik dan lain-lain</li><li>Bayaran tambahan untuk had bagasi berlebihan</li><li>Perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan dalam program ini</li></ul>

## **TERMA & SYARAT**

1. Terma dan Syarat ini perlu dibaca bersama Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan yang termaktub di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 ("Peraturan-Peraturan Akta Industri Pelancongan") yang telah diwartakan dan pindaan- pindaannya dari semasa ke semasa.
2. Deposit sebanyak RM 500.00 hendaklah dibayar oleh peserta kepada MN Ajwa Travel sebagai penempahan. Wang deposit ini tidak akan dikembalikan jika pembatalan dibuat oleh pihak peserta tanpa sebab yang munasabah; tertakluk kepada peraturan 3, Peraturan-Peraturan Akta Industri Pelancongan.
3. Bayaran Tiket penerbangan yang telah dikeluarkan adalah tertakluk kepada syarat "NON REROUTABLE/NON ENDORSABLE/NON REFUNDABLE" yang ditetapkan oleh syarikat penerbangan, dan sebarang 'refund' jika ada adalah tertakluk kepada budi bicara pihak syarikat penerbangan yang berkenaan.
4. Harga pakej sebagaimana dalam brosur adalah termasuk harga tiket pergi balik penerbangan antarabangsa (tidak termasuk harga tiket penerbangan domestik), sewa tempat penginapan, tanggungan makan minum di tempat penginapan, sewa bas bagi perjalanan, lawatan bersiar-siar dan perkara lain sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual penerbangan
5. Kos rawatan perubatan, dobi, makanan dan minuman yang tidak terdapat dalam menu lazim dan semua perkara persendirian adalah tidak termasuk dalam harga pakej.
6. Sekiranya pembatalan tempahan dibuat oleh peserta, bayaran pakej tidak akan dikembalikan kecuali mendapat kelonggaran daripada pihak-pihak yang berkenaan.
7. Harga pakej adalah tertakluk kepada perubahan harga tiket penerbangan, surcaj bahan api, perubahan jenis penginapan, perubahan kadar pertukaran matawang dan sebagainya (jika ada).
8. Harga Pakej akan berubah selaras dengan perubahan bilangan malam bagi setiap pakej yang berkenaan dengan sewajarnya sama ada melibatkan penambahan mahupun pengurangan.
9. Jika berlaku kekurangan regu atau bilangan dalam sesebuah bilik sebagaimana yang dipohon, peserta akan disusun semula mengikut kekosongan bilik yang ada dan dikehendaki membayar harga pakej mengikut susunan bilik yang mutakhir sebelum berlepas.
10. Tidak semua hotel mempunyai bilik untuk 3 orang sebilik triple-room (Upon Request): Oleh itu, penempahan 3 orang sebilik hanya menyediakan katil tambahan disediakan dan berdasarkan harga bilik berdua
11. Penginapan adalah tertakluk kepada perubahan bangunan penginapan yang setaraf dengan bangunan yang diiklankan dalam brosur atau bangunan alternative dengan kadar harga semasa.
12. Aturcara pakej yang dibuat adalah berdasarkan Jadual Penerbangan dan Perancangan Pengurusan di Malaysia. Sebarang perubahan program, tarikh, laluan dan masa penerbangan (RESCHEDULE) adalah tertakluk kepada peraturan semasa syarikat penerbangan dan pihak pengurusan.
13. Peserta hendaklah mempunyai passport antarabangsa atau dokumen perjalanan yang diiktiraf dengan sah- lakunya sekurang-kurangnya 6 bulan dengan minima 6 muka surat kosong dari tarikh kembali ke negara asal.

14. Pihak MN AJWA TRAVEL & TOURS SDN. BHD. tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan atau keciciran barang - barang kepunyaan peserta semasa mengikuti pakej pelancongan.
15. Tiada bayaran balik atau pengurangan harga akan dibuat kepada mana mana peserta, berkenaan mana-mana perkhidmatan yang termasuk dalam harga pakej tetapi tidak digunakan oleh peserta.
16. Pihak berkuasa atau Kerajaan Negara yang terlibat dan syarikat penerbangan mempunyai kebebasan untuk mengenakan sebarang sekatan atau syarat-syarat perjalanan tambahan kepada mana mana peserta pada bilabila masa.
17. MN AJWA TRAVEL & TOURS SDN. BHD. berhak membatalkan pakej jika berlaku bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan atau atas arahan Kerajaan Malaysia yang di luar kawalan MN AJWA TRAVEL & TOURS S/B

